

72

SOALAN NO: 27

sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G untuk manfaat penduduk di sekitar Parlimen Sepanggar. Manakala terdapat 1 menara sedia ada dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka akan siap pada suku pertama 2018 di Parlimen Sepanggar.

Manakala di kawasan Bukit Payung dan Lapanan di DUN Karambunai dan kawasan Talungan Natai Tampulan, Tombongon, Ulu Kionsom dan Kiambalang di DUN Inanam, kawasan-kawasan tersebut telah pun tersedia dengan liputan jalur lebar mudah alih 3G. Di samping itu, lebih dari 190 sambungan tersedia di bawah projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) di DUN Inanam.

Pihak Kerajaan juga sedang mengkaji keperluan dan kesesuaian lokasi-lokasi tersebut bagi pembinaan menara telekomunikasi baharu di bawah projek peluasan liputan jalur lebar di masa akan datang.

Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan penaiktarafan rangkaian perkhidmatan jalur lebar talian tetap melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan Fasa 2 (HSBB1 dan HSBB2) yang mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 100 Mbps. Sehingga kini, sebanyak lebih 17 ribu sambungan yang melibatkan 2 ibusawat telah siap dinaiktaraf di Parlimen Sepanggar.

Kesemua inisiatif dapat dimanfaatkan penduduk sekitar Parlimen Sepanggar.